



---

# **POLISI PEMBERI MAKLUMAT**

---

**PEJABAT  
SETIAUSAHA  
KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

---

**MS ISO 37001 : 2016  
SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH**

---



## **POLISI PEMBERI MAKLUMAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (PSUK Kelantan) sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti dan mengamalkan sikap amanah di dalam segala urusan pentadbiran berteraskan kepada prinsip 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan' (UMI).

Polisi Pemberi Maklumat ini bertujuan untuk menyokong secara langsung nilai-nilai Teras, Kod Etika dan Tadbir Urus PSUK Kelantan. PSUK Kelantan sentiasa mengharapkan agar warganya meletakkan nilai integriti dan amanah yang tinggi di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan dan membolehkan pekerja dan individu lain untuk menyalurkan kebimbangan kepada Pejabat SUK Kelantan secara dalaman sebelum mencari penyelesaian luaran.

Polisi ini memberi peluang kepada semua kakitangan PSUK Kelantan, Pelanggan, Perunding, Vendor, Kontraktor, Agensi atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan rasmi dengan PSUK Kelantan untuk mendedahkan sebarang kelakuan yang tidak beretika atau penyelewengan menurut prosedur yang disediakan di bawah polisi ini dan untuk memberi perlindungan kepada pekerja dan pihak berkaitan yang melaporkan dakwaan tersebut.

  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, S.P.S.K. (Kelantan)**

**DATO' KAYA SETIA**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

**1 Mac 2019**

## PENGENALAN

Polisi Pemberi Maklumat ini bertujuan untuk menyokong secara langsung Visi, Misi, Objektif, Kod Etika dan Tadbir Urus Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (selepas ini disebut Pejabat SUK Kelantan).

Pejabat SUK Kelantan sentiasa mengharapkan warga kerja Pejabat SUK Kelantan meletakkan nilai Integriti dan Amanah yang tinggi di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Polisi Pemberi Maklumat ini juga bertujuan untuk mengalakkan dan memudahkan warga Pejabat SUK Kelantan untuk menyalurkan dan mendedahkan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar di Pejabat SUK Kelantan.

## DEFINISI

<b>Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
<b>Polisi</b>	Merujuk kepada Polisi Pemberi Maklumat Pejabat SUK Kelantan.
<b>Pemberi Maklumat</b>	Mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar atau seseorang yang membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan sama ada secara lisan atau bertulis.
<b>Kelakuan Tidak Wajar</b>	Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.
<b>KesalahanTatatertib</b>	Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.
<b>KesalahanJenayah</b>	Apa-apa kesalahan yang dilakukan dalam badan awam yang melanggar peruntukan undang-undang yang ditetapkan
<b>Maklumat Sulit</b>	Maklumat dari pemberi maklumat berkaitan identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau beradanya akan dirahsiakan.

<b>Tindakan Yang Memudaratkan</b>	Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan, ugutan, gangguan terhadap pekerjaan mana-mana orang.
<b>Mana-mana orang</b>	Warga Pejabat SUK Kelantan.
<b>Remedi</b>	Cara atau kaedah digunakan untuk atasi masalah.

## OBJEKTIF POLISI

Objektif Polisi Pemberi Maklumat adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan mana-mana orang untuk tampil memberi maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar;
2. Memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati (good faith); dan
3. Supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan kelakuan tidak wajar oleh mana-mana orang.

## HURAIAN RINGKAS AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah, jenayah dan tatatertib.

Akta ini menggalak dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain serta mendapat perlindungan.

Akta ini turut memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.

Akta ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi Remedi.

## **TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS (BITU)**

Menerima maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar dan menguruskan laporan kelakuan tidak wajar serta membuat syor tindakan sewajarnya.

Menjalankan siasatan ke atas laporan kelakuan tidak wajar apabila dikehendaki YB Dato' SUK Kelantan

## **ELEMEN UTAMA SEBAGAI PEMBERI MAKLUMAT**

Pemberi maklumat mempunyai pengetahuan mengenai maklumat kerana ia sendiri yang mengalami sendiri kelakuan tidak wajar tersebut atau dicerita atau diberitahu oleh orang lain yang pemberi maklumat yakin dan percaya kepadanya.

Membuat pendedahan kepada mana-mana agensi penguatkuasa (no wrong door policy) yang melaksanakan polisi ini.

Bagi agensi yang tidak mempunyai kuasa untuk membuat penyiasatan terhadap sesuatu maklumat yang diterima boleh menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan.

Pendedahan tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

## **PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

Polisi ini membenarkan seseorang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada mana-mana agensi penguatkuasaan berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar.

## **PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

Di bawah polisi ini, pemberi maklumat yang layak diberi perlindungan adalah seperti berikut:-

1. Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh pegawai yang diberikuasa;
2. Pemberi maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai yang diberi kuasa sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat.; dan
3. Sekiranya pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ khidmat pesanan ringkas, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau boleh dihubungi.

## JENIS- JENIS PERLINDUNGAN

Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun (termasuk semasa perbicaraan di mahkamah).

Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut.

Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat.

Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan pemberi maklumat.

## PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Pada saat pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar (aduan), dia sudah menikmati perlindungan di bawah polisi ini. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan di bawah polisi ini. Antara sebab-sebab pembatalan perlindungan adalah seperti berikut:

1. Pemberi maklumat sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar itu;
2. Pemberi maklumat sengaja membuat pernyataan palsu;
3. Pendedahan adalah remeh atau menyusahkan;
4. Pendedahan mempersoalkan merit dasar Kerajaan;
5. Pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja/ tindakan tatatertib yang lain; dan
6. Pemberi maklumat telah melakukan kesalahan di bawah polisi ini.

## SIASATAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

Siasatan akan dibuat dan sesiapa yang terlibat dalam mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap pemberi maklumat, akan dikenakan tindakan seperti di bawah:

Tindakan yang memudaratkan adalah seperti berikut:

1. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
2. Ugutan atau gangguan;
3. Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian;
4. Suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c).

Apabila selesai membuat penyiasatan terhadap apa-apa aduan tindakan yang memudaratkan di bawah polisi ini, BITU hendaklah:

1. Jika tiada kesalahan dibuktikan, pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan dan tiada tindakan lanjut terhadap maklumat tersebut;
2. Jika ada kesalahan Tatatertib, hendaklah mengemukakan kepada Seksyen Tatatertib;
3. Jika ada kesalahan Jenayah, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Agensi Penguatkuasaan berkaitan.

## PERMOHONAN REMEDI

Apabila pemberi maklumat mendapat ancaman atau diambil tindakan yang memudaratkan, beliau boleh meminta agensi penguatkuasaan memohon remedi daripada mahkamah bagi mendapatkan seperti seksyen 15 [Akta 711].

## TANGGUNGJAWAB

BITU (Unit Aduan dan Siasatan) bertanggungjawab menerima semua maklumat termasuk yang berkaitan dengan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Segala maklumat atau aduan ini akan diteliti dan tindakan lanjut akan diambil sewajarnya.



## MAKLUMAT KELAKUAN TIDAK WAJAR KEPADA BITU

Sebarang maklumat yang hendak disalurkan hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut atau sebahagian daripada butiran-butiran berikut dan pemberi maklumat wajib mendedahkan dengan secara jujur dan suci hati (good faith):

1. Nama dan pekerjaan orang yang melakukan atau terlibat kelakuan tidak wajar.
2. Tempat atau di mana kelakuan tidak wajar itu berlaku.
3. Tarikh dan masa kelakuan tidak wajar itu berlaku
4. Apakah jenis kelakuan tidak wajar yang telah atau sedang atau akan berlaku.
5. Jika ada nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan bagaimana boleh dihubungi saksi-saksi tersebut.
6. Sokongan bukti berkaitan dengan kelakuan tidak wajar seperti dokumen-dokumen dan lain-lain.

## SALURAN ADUAN

Sebarang aduan boleh disalurkan melalui :-

1. HADIR SENDIRI - Berjumpa dengan Pegawai Aduan
2. EMEL - [aduanintegriti@kelantan.gov.my](mailto:aduanintegriti@kelantan.gov.my)
3. SURAT ADUAN - Bahagian Integriti dan Tadbir Urus  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Aras 2, Blok 8 Bangunan MABNA-MBI,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan
4. HUBUNGI - 09-7489957/ 09-7481957 samb. 8232



Jika individu tidak menyakini polisi ini, bolehlah membuat aduan dengan memberikan maklumat kepada lima (5) agen yang boleh memberikan perlindungan di bawah Akta 711. Lima agen yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut:

1. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
3. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
4. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
5. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM)

### KEPATUHAN POLISI

Polisi ini wajib dipatuhi oleh semua warga PSUK Kelantan.

Perlaksanaan polisi ini berbentuk 'internal declaration' dan dibacakan bersekali dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [APPM 2010] yang sedangberkuatkuasa.

### TARIKH KUATKUASA

Pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat PSUK Kelantan berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.

Pejabat SUK Kelantan mempunyai hak untuk meminda polisi ini dari semasa ke semasa.